

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 NOVEMBER 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 19

'Bekalan telur belum stabil sepenuhnya'

'Bekalan telur belum stabil sepenuhnya'

Putrajaya: Tiada asas kukuh mengaitkan bekalan telur disorok dan kemudian dilambakkan dalam pasaran kerana Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15).

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Azman Mohd Yusof, berkata bekalan telur masih belum stabil sepenuhnya malah tinjauan dan pemeriksaan pihaknya mendapati beberapa negeri masih berdepan masalah bekalan.

"Ada negeri dan kawasan di sesetengah tempat bekalan telur belum pulih dan berkurangan justeru, dakwaan bekalan sudah pulih adalah tidak berasas.

"Kita teruskan pemantauan, saya sudah minta pengarah negeri keluaran data semasa hasil pemeriksaan mereka di lapangan, telur cukup atau tidak cukup.

"Kalau tidak cukup bekalan, kita akan hubungi pengeluar bagi mengetahui kenapa berlaku kekurangan bekalan dan minta mereka hantar segera bekalan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Azman berkata, sebelum ini pengusaha di peringkat ladang ada membangkitkan isu kos pengeluaran yang tinggi, namun pihaknya tidak nampak masalah kekurangan bekalan berlaku kerana mereka sudah diberi subsidi bagi telur Gred A, B dan C.

"Tapi kita sudah mengambil usaha dengan seimbangkan keperluan mereka itu dengan pemberian subsidi, dari dua sen ke lima sen sekarang sudah naik sehingga 10 sen.

"Saya tidak nampak masalah kekurangan bekalan itu, namun kita akan sentiasa berunding, kena faham kadang-kadang bukan sebab kos pengeluaran semata-mata, ada punca lain seperti cuaca, banjir, penyakit dan sebagainya," katanya.

Ditanya mengenai aduan pengguna berkenaan harga telur dijual sehingga RM18 sepapan, beliau berkata, KPDNHEP mahu pengguna melaporkan segera kepada penguatkuasa jika benar dakwaan itu memandangkan telur bagi gred A, B, C di pasaran terikat pada harga kawalan.

"Keresahan orang ramai ini boleh diajukan kepada KPDNHEP untuk dibuat tindakan. Kita akan ambil tin-

Saya tidak nampak masalah kekurangan bekalan itu, namun kita akan sentiasa berunding, kena faham kadang-kadang bukan sebab kos pengeluaran semata-mata, ada punca lain seperti cuaca, banjir, penyakit dan sebagainya"

Azman

dakan sewajarnya jika berlaku kesalahan. Tidak wajar naik harga sewenang-wenangnya, harga kawalan perlu rujuk kementerian.

"Jadi saya ingatkan pengguna supaya melaporkan aduan secara terperinci dan spesifik supaya tindakan segera boleh diambil.

"Boleh buat aduan, seberapa banyak pun boleh tetapi kena spesifik kerana kami tidak mempunyai kekuatan untuk memeriksa semua kedai atau pasar raya seluruh negara," katanya.

Berhubung dakwaan kononnya ada telur busuk dan rosak dijual di pasaran, Azman berkata, beliau turut menerima aduan sama namun, selepas diperiksa tiada bukti diperoleh.

"Saya ada dapat maklumat daripada pengarah negeri, ada orang adu, tapi bila mereka turun padang dan hasil pemeriksaan dan siasatan kata tidak ada pun telur busuk.

"Tapi misal kata, kita tahu tempat di mana secara spesifik dan dapati telur ditawarkan rosak, kita ambil tindakan sewajarnya berdasarkan peruntukan peraturan dan undang-undang sedia ada," katanya.

Kelmarin, Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Pomca), Dr Saravanan Thambirajah, menggesa KPDNHEP mengambil tindakan tegas ke atas peniaga atau pembekal didapati menaikkan harga telur ayam walaupun kini bekalan hasil itu kembali pulih.

